

Bahagian A

[30 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2019. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

- (a) (i) Encik Ahmad tinggal di Kg. Paya Gelam (RG 0652), apakah arah ke Lokasi bekerjanya di ladang ternak ayam (RG 0754)?

Timur Laut


[1 markah]

- (ii) Nyatakan panjang talian penghantar elektrik dari RG 055540 ke RG 120562.

6.5 km

[2 markah]

- (b) (i) Apakah jenis tanaman kontan yang terdapat di segi empat grid di bawah.



Kelapa sawit dan getah


[2 markah]

- (ii) Jelaskan faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian di kawasan segi empat grid di atas.

Tanah pamah dan rata memudahkan kegiatan dijalankan / Buruh mencukupi dari petempatan sekitar
Ada permintaan (pasaran) / Jaringan pengangkutan yang baik memudahkan penghantaran hasil
Sumber air mencukupi berhampiran sungai

[3 markah]

(c) (i) Jelaskan kepentingan kawasan segi empat grid di bawah kepada penduduk sekitar.



Membekalkan sumber air sebagai keperluan asas (minuman) / Sumber pengairan kawasan pertanian

Membekalkan sumber makanan seperti ikan / Sumber hutan sebagai hasil pendapatan penduduk

Menambah peluang pekerjaan penduduk seperti mengutip hasil hutan

Menambah pendapatan penduduk dapat meningkatkan taraf hidup penduduk

Sebagai pusat rekreasi dan pelancongan

[3 markah]

(ii) Merujuk kepada segi empat di atas, wajarkah kawasan tersebut diteruskan projek penerokaan pada masa depan?

Ya, kerana dapat menambah peluang pekerjaan kepada penduduk ini dapat mengurangkan kadar Pengangguran di kawasan sekitar. Ini dapat juga menambah pendapatan penduduk

Menggalakkan pembangunan petempatan seperti pembukaan petempatan baharu. Ini dapat memajukan kemudahan sosial seperti pembinaan jalan raya. Ini dapat meningkatkan taraf hidup penduduk setempat

ATAU

Tidak, kerana akan memusnahkan habitat flora dan fauna, contohnya hidupan liar akan kehilangan tempat perlindungan.

Kegiatan manusia akan menjejaskan keseimbangan ekosistem dan rantaian makanan. Ini akan menyebabkan kepupusan flora dan fauna.

Penebangan pokok tidak terkawal akan menyebabkan suhu meningkat kerana pertambahan karbon dioksida. Berlaku hakisan tanah dan tanah runtuh akibat struktur tanah menjadi longgar tanpa litupan tumbuhan. Kawasan tadahan terjejas, kualiti air akan terjejas.

[4 markah]

Soalan 2 berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1 : Peratusan Penduduk Malaysia Mengikut Kumpulan Umur Pada Tahun 2023

Kumpulan Umur	Peratus	Saiz Sudutan
0 — 14	22.6	81
15 — 60	66.1	238
60 — 64	3.9	14
65 ke atas	7.4	27

Sumber : www.dosm.gov.my

Jadual 1

- 2 a) Berdasarkan jadual 1, lukiskan sebuah carta pai yang menunjukkan peratusan penduduk Malaysia mengikut kumpulan umur pada tahun 2023. Gunakan jejari 5 cm.

[Sila lukis pada kertas graf]

[7 markah]

- b) Merujuk kepada carta pai yang anda lukis, jelaskan struktur dan komposisi penduduk di Malaysia pada tahun 2023.

Carta pai ini menunjukkan peratusan penduduk Malaysia mengikut kumpulan umur pada tahun 2023. Kumpulan umur yang paling ramai ialah 15 — 60, iaitu 66.1 peratus. Ini menunjukkan golongan dewasa yang paling ramai di Malaysia pada tahun 2023.

Manakala kumpulan umur yang paling rendah ialah 60 — 64, iaitu 3.9 peratus sahaja. Perbezaan peratus golongan kumpulan umur 15 — 60 dan kumpulan umur 60 — 64 sebanyak 62.2 peratus.

Golongan umur tua 65 ke atas sebanyak 7.4 peratus menunjukkan kadar kematian yang rendah.

[4 markah]

- c) Pada pendapat anda, apakah kesan golongan umur 15 — 60 yang ramai terhadap pembangunan negara di Malaysia?

Golongan dewasa yang ramai membekalkan tenaga kerja yang ramai, ini dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh. Tenaga buruh yang ramai membantu meningkatkan pengeluaran hasil dan menggalakkan penerokaan sumber. Ini dapat meningkatkan pendapatan negara.


Tenaga buruh tempatan yang ramai mengurangkan kemasukan buruh asing, ini dapat mengurangkan aliran keluar nilai wang ke luar negara.

Golongan dewasa yang ramai membentuk pasaran yang luas, ini dapat memajukan industri tempatan.

[4 markah]

Bahagian B
[30 markah]
Jawab semua soalan.

Soalan 3 berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1

(a) Apakah proses yang berlaku yang ditunjukkan dalam rajah di atas?

Proses kitaran air / hidrologi

[1 markah]

(b) Namakan proses seperti berikut.

(i) P : Penyejatan

(ii) Q : Pemeluwapan

[2 markah]

(c) Terangkan bagaimana proses R berlaku dalam alam sekitar..

Proses penyejatan berlaku wap air naik ke atmosfera disebabkan pancaran cahaya matahari

Proses pemeluwapan berlaku titisan air membentuk awan disebabkan suhu yang rendah

Titisan air turun sebagai hujan akibat berat / Proses kerpasan berlaku

[4 markah]

(d) Jelaskan kepentingan kawasan X dalam ekosistem.


Habitat flora dan fauna / Mengekalkan keseimbangan ekosistem

Kawasan tadahan hujan / Mengekalkan kualiti air

Mengurangkan hakisan tanah / Menyederhanakan suhu kerana pokok yang banyak

[3 markah]

Soalan 4 berdasarkan Rajah 2.



Rajah 2

(a) Apakah fenomena cuaca yang berlaku di petempatan X?

Pulau haba

[1 markah]

(b) Jelaskan faktor yang menyebabkan perbezaan suhu di antara petempatan X dan Y.

X kurang pokok, Y banyak pokok / X bangunan padat, Y kurang bangunan
X banyak jalan berturap, Y kurang jalan berturap
X pembebasan asap kenderaan bermotor yang banyak, Y kurang pembebasan asap kenderaan
X banyak pembebasan asap kilang, Y kurang pembebasan asap kilang

[4 markah]

(c) Nyatakan dua kesan fenomena cuaca tersebut terhadap penduduk di petempatan X.

- (i) Menjejaskan kesejahteraan penduduk / Bil elektrik meningkat menyebabkan kos hidup meningkat
- (ii) Menjejaskan kesihatan penduduk / Menyebabkan penyakit

[2 markah]

(d) Cadangkan usaha yang dapat dijalankan oleh penduduk di X untuk mengurangkan kesan fenomena cuaca tersebut .

Menambah kawasan hijau dengan menambah pokok seperti menambah taman rekreasi
Mengadakan kempen kongsi kereta dapat mengurangkan jumlah kenderaan bermotor di jalan raya
Menggalakkan pengangkutan awam seperti LRT dapat mengurangkan pembebasan asap kenderaan
Mengadakan kempen kitar semula dapat mengurangkan pembakaran terbuka

[3 markah]



Soalan 5 berdasarkan Foto 1.



Foto 1

(a) Namakan proses tindakan luluh hawa yang membentuk pandang darat fizikal di atas.

Pengkarbonan

[1 markah]

(b) Berikan dua contoh pandang darat fizikal yang terdapat di kawasan tersebut.

- (i) Tiang batu kapur
- (ii) Stalaktit / Stalagmit

[2 markah]

(c) Huraikan kepentingan tindakan luluh hawa kepada pembangunan ekonomi.

Sebagai pusat pelancongan kerana bentuk muka bumi yang menarik dapat menambah peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan.

Membekalkan bahan mentah kepada industri tempatan seperti industri membuat simen, ini dapat menambah pendapatan negara kerana produk boleh dieksport.

[3 markah]

(d) Wajarkah kawasan seperti ini diterokai sepenuhnya? Berikan alasan anda.

Ya, kerana sebagai pusat pelancongan kerana bentuk muka bumi yang menarik dapat menambah peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan.

Membekalkan bahan mentah kepada industri tempatan seperti industri membuat simen, ini dapat menambah pendapatan negara kerana produk boleh dieksport.


ATAU

Tidak, kerana memusnahkan habitat flora dan fauna, ini akan menjejaskan keseimbangan ekosistem dan rantaian makanan terjejas. Kepupusan flora dan fauna berlaku.


Berlaku hakisan tanah dan tanah runtuh akibat aktiviti ekonomi seperti pemecahan batu kapur, ini akan mengancam keselamatan penduduk. Pencemaran air sungai berlaku dan banjir kilat akibat hakisan tanah.

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

Soalan 6 berdasarkan Rajah 3 dan Rajah 4.



Rajah 3



Rajah 4

(a) Bandingkan ciri-ciri demografi Malaysia antara tahun 1980 dan tahun 2020.

Rajah 3 kadar kelahiran tinggi, Rajah 4 kadar kelahiran rendah

Rajah 3 kadar kematian tinggi, Rajah 4 kadar kematian rendah

Rajah 3 jumlah golongan umur muda paling ramai, Rajah 4 jumlah golongan umur muda lebih sedikit

Rajah 3 jumlah golongan umur tua paling sedikit, Rajah 4 jumlah golongan umur tua lebih ramai

Rajah 3 kadar pertumbuhan penduduk tinggi, Rajah 4 kadar pertumbuhan penduduk lebih rendah

Jangka hayat penduduk Rajah 3 pendek, jangka hayat Rajah 4 lebih panjang

[6 markah]

(b) Huraikan masalah yang dihadapi berdasarkan struktur dan komposisi penduduk pada tahun 2020.

Kekurangan tenaga buruh kerana golongan umur muda yang tidak ramai, ini akan menjejaskan pengeluaran industri tempatan. Penerokaan sumber semula jadi juga akan terjejas. Ini akan menjejaskan pendapatan negara.

Pasaran tempatan menjadi kecil kerana golongan umur muda tidak ramai, ini akan menjejaskan industri tempatan yang menghasilkan produk tempatan.

Golongan umur tua yang ramai menyebabkan kerajaan terpaksa membayar pencen yang tinggi, ini akan menjejaskan pembangunan negara.

Golongan tua yang ramai memerlukan kemudahan sosial khas kepada orang tua yang banyak seperti hospital dan rumah orang tua.

[6 markah]

(c) Berdasarkan masalah yang anda huraikan, cadangkan dasar kependudukan yang dapat meningkatkan pembangunan sosioekonomi pada masa depan.

Dasar kerajaan menggalakkan kelahiran seperti memberi cuti bersalin bergaji untuk menggalakkan wanita bekerja untuk melahirkan anak yang lebih banyak. Cuti bergaji juga diberikan kepada pasangan suami untuk menjaga bayi dan isteri bersalin.

Kerajaan memberi pelepasan cukai pendapatan kepada keluarga banyak anak. Ini bertujuan untuk melahirkan tenaga buruh yang ramai untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh.

Kerajaan memberi rawatan percuma kepada bayi dan ibu bersalin untuk mengurangkan kos hidup.

Meningkatkan tahap teknologi seperti guna mesin yang moden untuk ganti tenaga kerja. Pemindahan teknologi dari negara maju dapat meningkatkan pengeluaran negara.

Menggalakkan golongan wanita bekerja, kerajaan melanjutkan umur bersara untuk menambah jumlah tenaga buruh. Ini dapat mengurangkan kemasukan buruh asing dan mengurangkan aliran keluar nilai wang ke luar negara.

Meningkatkan taraf pendidikan untuk melahirkan buruh yang mahir seperti jurutera dapat meningkatkan mutu pengeluaran negara. Contohnya menambah universiti.

Menambah kemudahan sosial kepada golongan tua yang ramai dapat meningkatkan taraf hidup penduduk. Contohnya hospital.

Membuka kawasan industri baharu untuk menambah peluang pekerjaan, ini dapat menggalakkan proses urbanisasi negara. Contoh wujud bandar industri Bandar Cassia, Batu Kawan.

[8 markah]

7 (a) Di atas Peta 1, di halaman 11, nyatakan:

- (i) Zon iklim di **P**
- (ii) Zon iklim di **Q**
- (iii) Jenis iklim di **R**
- (iv) Jenis iklim **S**

[4 markah]

(b) Berdasarkan Peta 1, huraikan pengaruh iklim terhadap kegiatan ekonomi di kawasan berlorek R.

Kawasan R mengalami iklim sejuk sederhana pantai barat (iklim British), mengalami 4 musim yang nyata mempunyai pemandangan indah mengikut musim dapat memajukan sektor pelancongan. Contohnya kawasan tinggi pada musim sejuk dapat menarik pelancong dengan aktiviti meluncur salji.

Kawasan R menerima hujan sepanjang tahun, jumlah hujan tahunan 1000 mm menggalakkan kegiatan pertanian campur. Contohnya menanam gandum dan barli.

Min suhu tahunan hampir sekata menggalakkan kegiatan penternakan. Contohnya menternak lembu dan biri-biri.

Kegiatan pembalakan dijalankan pada musim sejuk kerana lantai bersalji licin memudahkan kayu balak dipindahkan.

[8 markah]

(c) Dengan merujuk Peta 1, cadangkan kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan di kawasan berlorek S.

Kawasan S mengalami iklim Khatulistiwa, kawasan ini panas dan lembap sepanjang tahun berpotensi menjalankan kegiatan pertanian, kerana tiada musim kemarau yang nyata, kegiatan pertanian dapat dijalankan sepanjang tahun. Contohnya menanam pokok getah dan kelapa sawit.

Kawasan S mempunyai min suhu tahunan yang tinggi dan hujan lebat sepanjang tahun. Maka kawasan ini mempunyai hutan hujan tropika yang luas, kegiatan pembalakan berpotensi dijalankan. Kerana pokok di hutan hujan tropika berkayu keras merupakan jenis kayu yang berkualiti tinggi.

Kegiatan pelancongan berpotensi dijalankan kerana pancaran matahari sepanjang tahun dapat menarik pelancong dari kawasan beriklim sejuk.

Kegiatan penternakan berpotensi dijalankan kerana tidak mengalami suhu melampau, banyak jenis haiwan ternakan sesuai ditenak seperti ayam dan lembu.

[8 markah]

Soalan 8 berdasarkan Peta 2.

(a) Apakah faktor fizikal yang mempengaruhi kepadatan penduduk di kawasan berlorek M?

Kawasan M mengalami iklim gurun panas, kawasan ini panas dan kering sepanjang tahun, iaitu mengalami iklim yang melampau panas menyebabkan kawasan ini berpenduduk jarang.
Kawasan ini menerima jumlah hujan kurang 250 mm, maka kawasan ini jarang mempunyai saliran seperti sungai, kawasan ini kurang sumber air untuk keperluan asas manusia.
Tanah di kawasan ini tidak subur dan tidak sesuai menjalankan aktiviti pertanian, kawasan ini mengalami masalah kekurangan sumber makanan.

[4 markah]

(b) Jelaskan kesan kepadatan penduduk yang dialami di negara berlorek N.

Kawasan N merupakan kawasan berpenduduk padat, kawasan ini mengalami kesesakan lalu lintas dan kesesakan petempatan. Ini akan menjejaskan keselesaan penduduk.
Masalah setinggan berlaku kerana golongan miskin yang ramai tidak mampu beli rumah dan sewa rumah. Ini akan menjejaskan pembangunan bandar.
Peluang pekerjaan yang terhad kerana bilangan golongan muda ramai menyebabkan kadar pengangguran yang tinggi. Ini akan menyebabkan kadar kemiskinan yang tinggi.
Masalah sosial yang tinggi seperti kes jenayah, ini akan mengancam keselamatan penduduk lain.
Kemudahan sosial tidak cukup untuk golongan muda yang ramai, seperti sekolah. Ini akan menjejaskan taraf pendidikan negara tersebut.
Tahap teknologi rendah, menjejaskan pengeluaran negara. Masalah pencemaran alam.

[6 markah]

(c) Bagaimanakah kerajaan dapat mengurangkan kesan kepadatan penduduk di negara berlorek N.

Dasar kerajaan mengehadkan kelahiran setiap keluarga untuk mengawal saiz keluarga yang optimum. Contoh Dasar 1 Keluarga 1 Anak di China.
Kerajaan mengadakan kempen kesedaran tentang perancangan keluarga supaya pasangan suami isteri melahirkan anak mengikut perancangan keluarga.
Kerajaan meningkatkan taraf pendidikan penduduk, terutamanya kepada golongan wanita. Ini dapat meningkatkan umur kahwin golongan wanita. Taraf pendidikan tinggi juga meningkatkan penduduk menerima perancangan keluarga.
Kerajaan menggalakkan pelabuan asing untuk menambah peluang pekerjaan.
Kerajaan menyediakan kawasan perumahan kos rendah untuk mengatasi masalah setinggan.

[4 markah]

(d) Wajarkah penduduk di kawasan berlorek M berhijrah ke kawasan berlorek N?

Ya, kerana kawasan M mengalami iklim gurun panas, kawasan ini panas dan kering sepanjang tahun, iaitu mengalami iklim yang melampau panas menyebabkan kawasan ini berpenduduk jarang.
Kawasan ini menerima jumlah hujan kurang 250 mm, maka kawasan ini jarang mempunyai saliran seperti sungai, kawasan ini kurang sumber air untuk keperluan asas manusia.
Tanah di kawasan ini tidak subur dan tidak sesuai menjalankan aktiviti pertanian, kawasan ini mengalami masalah kekurangan sumber makanan.

ATAU

Tidak, kerana kawasan N merupakan kawasan berpenduduk padat, kawasan ini mengalami kesesakan lalu lintas dan kesesakan petempatan. Ini akan menjejaskan keselesaan penduduk.
Masalah setinggan berlaku kerana golongan miskin yang ramai tidak mampu beli rumah dan sewa rumah. Ini akan menjejaskan pembangunan bandar.
Peluang pekerjaan yang terhad kerana bilangan golongan muda ramai menyebabkan kadar pengangguran yang tinggi. Ini akan menyebabkan kadar kemiskinan yang tinggi.
Masalah sosial yang tinggi seperti kes jenayah, ini akan mengancam keselamatan penduduk lain.
Kemudahan sosial tidak cukup untuk golongan muda yang ramai, seperti sekolah. Ini akan menjejaskan taraf pendidikan negara tersebut.

Soalan 9 berdasarkan Foto 2.

(a) Terangkan ciri-ciri sumber tenaga yang dihasilkan dalam Foto 2?

Sumber tenaga boleh baharu merupakan sumber tenaga boleh diperbaharui, penggunaan sumber tenaga yang tidak akan habis dan pupus.

Sumber tenaga yang boleh digunakan secara berterusan.

Sumber tenaga mesra alam yang tidak menyebabkan pencemaran alam.

[4 markah]

(b) Jelaskan kesan kaedah penjanaan sumber tenaga tersebut terhadap ekosistem.

Pembinaan empangan menyebabkan kawasan hutan tenggelam air, ini akan memusnahkan habitat flora dan fauna, hidupan liar akan kehilangan tempat perlindungan. Contoh gajah hilang habitat.

Kepupusan flora dan fauna kerana kemusnahan hutan menjejaskan keseimbangan ekosistem dan rantai makanan terjejas. Contoh harimau semakin pupus.

Berlaku hakisan tanah dan tanah runtuh semasa kerja pembinaan. Ini akan menjejaskan kualiti air sungai.

Mengancam hidupan akuatik kerana perubahan tekanan, suhu, ciri kimia dan fizikal air.

Perubahan lanskap, wujud tasik yang besar.

Suhu meningkat akibat keluasan hutan menjadi kecil.

[6 markah]

(c) Cadangkan pengurusan sumber tenaga yang dapat melestarikan alam sekitar.

Penggunaan sumber tenaga boleh baharu seperti tenaga suria, ini dapat mengurangkan penggunaan bahan api fosil seperti petroleum.

Menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk menghasilkan sumber tenaga mesra alam. Contoh menghasilkan biodiesel daripada minyak sawit.

Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar, seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Ini dapat mengawal kegiatan yang boleh menyebabkan pencemaran alam.

Mengadakan kempen kesedaran alam sekitar oleh Jabatan Alam Sekitar. Contoh kempen “Go Green”.

Mengadakan kerjasama antarabangsa. Contoh negara maju membantu negara menguruskan sumber tenaga dengan lebih baik.

Mengamalkan amalan penjimatan sumber tenaga seperti guna lampu LED dan penghawa dingin teknologi inverter.

Mengamalkan amalan kitar semula dapat mengurangkan penerokaan sumber tenaga.

[4 markah]

(d) Mengapakah sumber tenaga tidak boleh baharu menyumbang kepada pembangunan negara?

Menghasilkan sumber tenaga elektrik.

Sebagai bahan api kepada kenderaan. Sebagai bahan mentah kepada industri petrokimia seperti membuat plastik dan cat. Arang batu digunakan dalam industri melebur besi.

Menambah pendapatan negara melalui eksport. Contoh eksport petroleum ke Singapura.

Menambah peluang pekerjaan seperti jurutera dapat meningkatkan taraf hidup penduduk.

Membuka petempatan baru seperti wujud bandar baru.

Menggalakkan kemasukan pelaburan asing. Contoh Shell.

[6 markah]


No. Kad Pengenalan : _____

Angka Giliran : _____

GEOGRAFI KERTAS 2

Peta 1 untuk Soalan No. 7 (a)

(Hendaklah diikat bersama-sama dengan buku jawapan)



Peta 1

P	<u>Zon Sejuk</u>
Q	<u>Zon Sejuk Sederhana</u>

R	Iklim British / Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat
S	Iklim Khatulistiwa